





POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH

InnoPLEN

Launching and entrepreneurship
 SPEED OF LIFE

Innovation
 NATIONAL COMPETITION
 27-28 MARCH
 2019
 POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH



InnoPLEN
 National Innovation and Entrepreneurship
 Competition
 2019

1ST PRIZE WINNER

FIVE HUNDRED ONLY RM 500.00

NO. 280319

500



INNOPLLEN

innovation product launching and entrepreneurship

TECHNOLOGY PUTS THE SPEED OF LIFE

50

NATIONAL COMPETITION

27-28 MAC 2019

POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH



InnOPLen

innovation product launching and entrepreneurship

POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH 2019

TARIKH DATE: 28 03

2ND PRIZE WINNER

THREE HUNDRED ONLY RM 300

TECHNOLOGY PUTS THE SPEED OF LIFE

8 00 6 3 7 4 3 2 1 2 8 0 3 2 0 1 9



Guru Bahasa UMP Hasil Inovasi Rangkul Anugerah

8 April 2019

Kuantan, 28 Mac- Hasil kajian dan inovasi seramai empat Guru Bahasa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) membanggakan apabila membawa pulang tiga pingat emas dan satu perak dalam Pertandingan Innovation, Product Launching and Entrepreneurship (INNOPLEN) 2019 yang berlangsung di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) baru-baru ini.

Kajian oleh Rosjuliana Hidayu Rosli bertajuk 'Transformasi Teknik Pembelajaran Interaktif Bahasa Arab Melalui E-Pembelajaran Interaktif EL RESALA. ARABIC' menang pingat emas dan dinobatkan tempat pertama bagi kategori bukan teknikal serta diiktiraf "Certificate Honour as Presenter". Pembelajaran ini sangat membantu pelajar dalam meningkatkan kemahiran mengingat kosa kata bahasa Arab dengan pantas malahan telah memanfaatkan golongan jurutera daripada industri luar yang memerlukan kelas persediaan Bahasa Arab sebelum ke negara timur tengah.

Selain itu, Juwairiah Osman yang menghasilkan Carta Alir Seronoknya Cakap Bahasa Melayu melalui Model Kolb (CAS-BM: Bahasa Melayu Antarabangsa) turut menang pingat emas dan merangkul tempat kedua keseluruhan bagi kategori bukan teknikal serta turut diiktiraf "Certificate Honour as Presenter".

Menurut Juwairiah, inovasi dan penyelidikan dijalankan untuk memantapkan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu kepada para pelajar luar negara yang melanjutkan pengajian di UMP. Inovasi dilakukan melalui pembelajaran e- Learning, aktiviti di dalam dan luar kelas juga program dalam dan luar universiti sama ada di peringkat negeri mahupun antarabangsa.

"Sebagai penutur bukan natif, para pelajar antarabangsa memerlukan motivasi, kaedah pembelajaran interaktif, mudah dan santai daripada guru bahasa sendiri untuk meningkatkan semangat untuk mempelajari bahasa ketiga atau keempat ini," katanya.

Turut sama dalam kumpulan inovasi ini adalah para guru di Jabatan Bahasa Asing iaitu Mardhiyyah Zamani, Rosjuliana Hidayu Rosli, Jamilah Bebe Mohamad, Mohammad Baihaqi Hasni dan Farah Hanan Aminallah serta sokongan Ketua Jabatan Bahasa Asing, Dr. Jamal Rizal Razali.

Manakala Teknik Pembelajaran Bahasa Inggeris menggunakan kaedah Drama-tive hasil inovasi Siti Ainun Jariyah Hassan turut berjaya mendapat pingat emas dan diiktiraf "Certificate Honour as Presenter". Pelajar menghasilkan drama berdasarkan situasi yang diberikan. Teknik ini juga

menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis dan membina keyakinan diri pelajar untuk menguasai bahasa Inggeris.

Dalam pada itu, hasil kajian Azlina Mohd Ariffin mendapat anugerah pingat perak menerusi kajian "Teknik Pembelajaran Bahasa Sepanyol melalui laman sesawang dan menggunakan courseware Estudiar Español Conmigo". Ianya digunakan untuk membantu pelajar yang mengambil Kursus Bahasa Sepanyol di universiti ini.

Berdepan dengan era Revolusi Industri 4.0 pastinya pelbagai usaha dilaksanakan pihak universiti terhadap pendekatan pembelajaran dan pengajaran (P&P) dalam memastikan sentiasa kekal relevan dan bersesuaian dengan perubahan teknologi yang pantas bagi meningkatkan keberkesanan dalam P&P.

Hadiah disampaikan oleh Ketua Pengarah Bahagian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia, Profesor Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail Abd Aziz. Pertandingan disertai 125 kumpulan penyelidik merangkumi 445 peserta bertanding dalam dua kategori teknikal dan bukan teknikal dari universiti awam, IPTS, politeknik, kolej komuniti, jabatan kerajaan dan pihak industri.

Disediakan oleh Juwairiah Osman dan Rosjuliana Hidayu Rosli

- 575 views

[View PDF](#)